

# Penggunaan Tanduk Rusa Velvet Dalam Perubatan: Isu Fatwa dan Cadangan Penyelesaian<sup>1</sup>

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>1</sup>

Nurdeng Deuraseh<sup>1</sup>

Shuhaimi Mustafa<sup>1</sup>

Suhaimi Ab. Rahman<sup>1</sup>

Irwan Mohd Subri<sup>2</sup>

## Abstract

Velvet antler constitutes one of the natural pharmaceuticals ingredients that have high economic value due to its numerous medicinal properties. The method of taking deer antlers by cutting them when the deer is still alive, however, has caused significant contradiction of fatwa whether it is categorized as *halal* or *haram*. Thus, the objective of this study is to evaluate the use of velvet antler in medicinal products from the Islamic perspective. Qualitative research methodology used in this study was based on the analysis of documents and interviews. The study found that the contradiction of the *fatwas* was the result of the different interpretation (*ijtihad*) given by the *Mufftis* on the concept of animal horn and antler cutting, which is related to the issue of "Animal Welfare" that is pain. Most of the contemporary Muslim scholars are prone to the view that it is *halal* to be used. Further research can be done on the antlers through scientific experiments to prove and justify such *ijtihad*, thus solving the fatwa issues that have arisen.

**Keywords** - Velvet antler, Medicine, Fatwa, Halal

---

Dibentangkan di Seminar on Shariah and Halal Laws LPPH-UKM, 19 Mac 2015, Bilik Seminar Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

1 Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia

2 Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai penggunaan tanduk rusa menurut perspektif syarak. Secara asasnya, terdapat konflik fatwa di Malaysia berhubung isu pemotongan tanduk rusa velvet ketika masih hidup untuk dimanfaatkan dalam industri farmaseutikal alami. Objektif kajian ini adalah bagi menilai sama ada produk perubatan yang berasaskan tanduk rusa adalah halal digunakan atau tidak menurut syarak. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kualitatif digunakan menerusi pendekatan analisis dokumen dan temubual. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan di kalangan fuqaha dalam menentukan hukum memanfaatkan tanduk yang dikerat semasa hidup. Ia berpunca daripada ijtihad mereka yang berbeza terhadap tanduk haiwan, iaitu sama ada ia termasuk dalam kategori anggota yang hidup ataupun tidak. Dalam isu tanduk rusa, kebanyakan para sarjana Islam kontemporari lebih cenderung kepada pandangan yang mengharuskan penggunaannya. Kajian semula ke atas fatwa tanduk rusa dengan disokong oleh fakta saintifik mampu memberi kesan yang besar kepada kesihatan dan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia, sekaligus menyelesaikan isu yang diperlisihkan.

**Kata kunci** - tanduk rusa, velvet, farmaseutikal, perubatan, fatwa, halal

## Pendahuluan

Tanduk rusa (*antler*) kebiasaannya dimiliki oleh haiwan spesis jantan daripada keluarga *cervidae* dan merupakan satu-satunya bahagian yang boleh mencapai pertumbuhan semula lengkap bagi kategori haiwan mamalia. Tisu yang terdapat pada struktur tanduk rusa adalah antara yang paling cepat berkembang, iaitu sebanyak 14 kg dalam masa 6 bulan, dengan kadar pertumbuhan 2 - 4 cm sehari (Chen *et al*, 2009). Kebanyakan tanduk mula tumbuh pada bulan Mac - April dan akan mencapai kematangan penuh pada bulan September - November. Tanduk yang telah matang akan gugur selepas itu, dan kitaran ini akan berulang setiap tahun (Chen *et al*, 2009). Kadar pertumbuhan yang luar biasa tanduk rusa adalah terhasil daripada bekalan darah yang banyak, yang terdapat pada lapisan kulit lembut tanduk atau dikenali sebagai *velvet* (Zhang *et al*, 2012).

Dalam bidang perubatan herba, tanduk *velvet* memiliki nilai ekonomi yang cukup tinggi kerana memiliki khasiat perubatan tertentu. Tanduk rusa *velvet* sering digunakan di dalam perubatan tradisional Cina selain bertindak sebagai bahan antioksidan nutraseutikal (Sunwoo & Sim, 2006). Menurut kajian oleh Yang, para pakar perubatan Cina tradisional sering kali menggunakan tanduk rusa untuk meningkatkan jumlah darah, khususnya dalam menangani masalah anemia. Ini kerana tanduk rusa memiliki kandungan *monoacetyldiglycerides* iaitu komponen penting yang diyakini mampu merangsang pertumbuhan sumsum tulang dan sel

darah merah (Yang *et al.*, 2004). Menurut penyelidikan perubatan alternatif yang diketuai Pengerusi Persatuan Akupunktur Amerika dan Perubatan Biotenaga, Prof. Dr. Alex Duarte, di New Zealand, tanduk *velvet* digunakan sejak berabad lalu untuk mengawal tekanan darah, meningkatkan tahap hemoglobin serta menambah kecekapan fungsi paru-paru (Duarte, 2012). Selain itu, kajian oleh Prudden pula mendapati bahawa kandungan *N-Acetyl-Glucosamine* yang terdapat pada tanduk *velvet* amat berkesan bagi mempercepatkan penyembuhan luka (Prudden *et al.*, 1957, 283). Ilmu perubatan Melayu tradisional turut memperakui khasiat tanduk sebagai penawar penyakit. Misalnya dalam kitab *Mujarabat Melayu*, turut disebut tentang tanduk rusa dan tanduk kambing yang dikatakan berkhasiat untuk mengubati demam dan sakit kepala (Haliza, 2000).

Disebabkan khasiatnya yang banyak, tanduk rusa mula diusahakan secara komersial di Malaysia, antaranya dijadikan sebagai salah satu ramuan dalam makanan kesihatan. Kebiasaannya, ubat tanduk rusa yang dijual di pasaran dihasilkan daripada tanduk yang dikerat ketika masih hidup. Ini kerana, pengambilan melalui cara ini akan membolehkan proses tuaian tanduk dipanjangkan sehingga lima belas (15) tahun, tertakluk kepada jangka hayat maksimum rusa, berbanding jika diambil melalui cara penyembelihan (Akbar Chiraghadin, 2014).

Walau bagaimanapun, penggunaan ubat tanduk rusa yang dihasilkan menerusi kaedah pemotongan telah mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat apabila terdapat dua fatwa yang berlainan, iaitu fatwa yang menghalalkan dan yang mengharamkan. Justeru, artikel ini akan meneliti pandangan fuqaha berhubung isu ini bagi mengetahui asas-asas dan punca perbezaan pandangan mereka, seterusnya mencadangkan penyelesaian terhadap isu tersebut.

## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif digunakan menerusi pendekatan analisis dokumen dan temubual. Analisis dokumen melibatkan kajian terhadap karya-karya fiqh klasik, dokumen fatwa, jurnal dan artikel bagi mengenalpasti pandangan fuqaha serta mendapatkan informasi berkaitan isu yang dibincangkan. Manakala kaedah temubual dilakukan bersama beberapa orang mufti di Malaysia antaranya negeri Kedah, Terengganu dan Wilayah Persekutuan, serta mufti Singapura, bagi mendapatkan penjelasan berhubung hujah yang digunakan oleh setiap negeri dalam fatwa yang dikeluarkan.

## Pandangan Fuqaha Mengenai Hukum Tanduk Rusa yang Dikerat Ketika Masih Hidup

Tanduk rusa *velvet* biasanya dituai setelah mencapai umur matang dan diambil dengan cara memotongnya tanpa menyembelih rusa tersebut. Kaedah

pemotongan sebegini menimbulkan persoalan mengenai statusnya iaitu sama ada halal atau haram dimanfaatkan.

Hadis mengenai anggota yang dipotong:

Merujuk kepada nas fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah, penetapan hukum tanduk yang dikerat ketika hidup adalah berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Hākīm daripada Abu Wāqīd al-Laithi iaitu:

*Maksudnya: Apa yang dipotong daripada binatang yang masih hidup adalah bangkai" (Al-Hākīm, 1990, Kitāb al-Zabā'eḥ, #7597)*

*Menurut Al-Suyūṭī, sebab kedatangan hadis di atas (asbāb wurūd al-ḥadīth) adalah disebabkan oleh perbuatan penduduk Madinah yang memotong bonggol unta dan ekor kambing biri-biri yang masih hidup. Apabila Rasulullah S.A.W. tiba di Madinah ketika itu, persoalan ini diajukan kepada baginda lantas baginda menyatakan bahawa hukum bahagian yang dipotong tersebut sebagai bangkai (Al-Suyūṭī, 1996, 1:65).*

Berdasarkan riwayat oleh al-Hākīm pula, amalan pemotongan bonggol unta dan ekor kambing yang dilakukan oleh masyarakat Arab sebelum Islam adalah bertujuan untuk dimakan dan mendapatkan lemak yang terdapat padanya. Perkara ini dinyatakan oleh al-Hākīm dalam karyanya *al-Mustadrak 'ala al-Ṣaḥīḥain* seperti berikut:

*"Masyarakat Arab Jahiliyyah sebelum Islam memotong bonggol unta dan ekor kambing biri-biri lalu mereka memakannya dan mendapatkan lemak daripadanya. Apabila Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam tiba, mereka bertanyakan tentang perkara tersebut. Maka baginda bersabda: Bahagian yang dipotong daripada haiwan yang masih hidup adalah bangkai" (Al-Hākīm, 1990, Kitāb al-'Ath'imah, #7150)*

Dalam membahaskan lafaz (ما قطع من الهيممة) yang terdapat pada hadis di atas, para ahli hadith telah mengemukakan beberapa pandangan. Menurut al-Munāwī, ia bermaksud mana-mana bahagian yang tercerai dengan sendiri dari badan haiwan ataupun disebabkan perbuatan orang lain. Namun, terdapat beberapa jenis bahagian terpotong yang tidak dianggap najis; seperti anggota dari badan manusia, kasturi (*al-misk*) dan kantongnya (*fa'rat al-misk*), serta bulu (*al-sya'ru*, *al-suf*, *al-wibr* dan *al-rish*) dari haiwan yang halal dimakan (Al-Munāwī, 1935, 5:461).

Menurut al-Ṣon‘ānī, perkataan (البهيمة) dari sudut bahasa mempunyai tiga pengertian iaitu; pertama, setiap haiwan yang memiliki empat kaki walaupun tinggal di dalam air, kedua, semua jenis haiwan yang hidup, dan ketiga, merujuk kepada haiwan dari jenis kambing (*awlād al-ḍo‘n wa al-mā‘iz*). Namun jika dilihat kepada sebab kedatangan hadis, perkataan (البهيمة) lebih menunjukkan kepada pengertian pertama kerana turut disebutkan perkataan unta. Selain itu, ia juga boleh dirujuk kepada pengertian kedua. Berdasarkan pengertian tersebut, boleh disimpulkan bahawa apa yang dikehendaki di dalam hadis adalah bahagian yang terpotong daripada semua jenis haiwan hidup sama ada berkaki empat atau selainnya. Walau bagaimanapun menurut al-Ṣon‘ānī, haiwan dari kategori ikan meskipun jika ada yang berkaki empat, belalang dan sesuatu yang tidak mempunyai darah adalah dikecualikan daripada hukum tersebut (Al-Ṣon‘ānī. n.d., 1:38-39).

Al-Shaukānī di dalam karyanya *Nail al-‘Auṭār* menyatakan bahawa hadis tersebut menjadi dalil kepada kenajisan bahagian yang dipotong daripada haiwan yang masih hidup kerana ia tergolong dalam kategori bangkai dan ia haram untuk dimakan (Al-Shaukānī, 1993, 8:166). Perkara yang sama turut ditegaskan oleh al-Mubārakfūrī yang berpandangan bahawa hukum tersebut merangkumi kesemua jenis bahagian yang bersambung dengan haiwan, yang dipotong ketika hidup (Al-Mubārakfūrī, n.d., 5:46).

Menurut al-Khattābī pula, lafaz (مَا قُطِعَ مِنَ الْبَيْمَةِ) dikhususkan kepada bahagian daging haiwan dan anggota-anggota yang bersambung dengan badannya dan tidak termasuk bulu dan rambutnya. Ini dapat dilihat dalam ulasan beliau seperti berikut:

*“Ini (bahagian yang dianggap bangkai) ialah pada daging atau anggota-anggota lain yang bersambung dengan badan haiwan dan ia tidak termasuk bulu, rambut dan seumpamanya. Begitu juga merujuk kepada bahagian badan haiwan yang digigit oleh anjing buruan, ataupun mana-mana anggota haiwan yang terkena senjata pemburu sehingga menyebabkannya patah sedangkan haiwan itu masih lagi hidup. Maka kesemuanya adalah haram, kerana dipotong daripada haiwan ketika masih hidup, maka menjadi bangkai” (Al-Khattābī, 1932, 4:294).*

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas, didapati bahawa kebanyakan ahli hadis lebih cenderung untuk meluaskan penggunaan lafaz (ما قطع) kepada semua bahagian yang bersambung dengan badan haiwan. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian yang diberikan terhadap ikan dan

belalang serta beberapa bahagian haiwan seperti bulu, kasturi dan kantongnya disebabkan terdapat dalil lebih khusus yang mengharuskannya.

### **Pandangan Fuqaha Mengenai Tanduk Rusa yang Dipotong Ketika Hidup**

Tanduk merupakan salah satu anggota haiwan yang termasuk dalam kategori *al-ajzā' al-ṣulbah* iaitu anggota yang bersifat keras dan pejal serta tidak memiliki darah. Ia boleh disamakan dengan bahagian-bahagian haiwan lain seperti tulang, kuku, paruh dan bulu. Menurut al-Zuhaylī, terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan para fuqaha' untuk menentukan hukum anggota-anggota yang bersifat keras tersebut (Al-Zuhaylī, 2007, 1:308). Pendapat mereka terbahagi kepada dua seperti berikut:

Pendapat pertama:

Menurut pendapat pertama yang terdiri daripada para fuqaha Mazhab *Ḥanafī* dan *Zāhirī*, hukumnya adalah tidak najis dan harus dimanfaatkan. Bagi pendapat ini, tanduk tidak dikira sebagai anggota yang hidup disebabkan ia tidak menyakitkan meskipun dipotong ketika hidup. Keadaannya adalah sama seperti bulu haiwan. Al-Sarakhsī dalam karyanya *al-Mabsūṭh* ada menyatakan secara jelas tentang perkara ini iaitu ketika mengulas mengenai pemotongan tanduk lembu:

*"Sesungguhnya pemotongan tanduk lembu tidak menyakitkannya. Maka ini menunjukkan bahawa tulang adalah anggota yang tidak hidup, oleh itu tidak menjadi najis apabila haiwan mati"* (Al-Sarakhsī, 1993, 1:203)

Pandangan yang mengkategorikan tanduk sebagai anggota bukan najis juga didasarkan kepada ketiadaan 'illah yang menyebabkannya menjadi najis (*'illat al-tanjīs*) seperti darah yang mengalir, dan lendiran. Perkara ini dinyatakan oleh Ibn Nujaim, ketika mengulas pendapat 'Alāu' al-ddīn al-Kāsānī yang merupakan salah seorang ulamak mazhab *Ḥanafī*:

*"Dia ('Alāu' al-ddīn al-Kāsānī) telah berkata di dalam (kitāb) al-Badā'ie : "Apa yang dipotong daripada benda yang hidup, sekiranya bahagian yang dipotong itu memiliki darah seperti tangan, telinga, hidung dan seumpamanya, maka ia adalah najis secara ijmak. Tetapi jika tiada darah seperti rambut, bulu biri-biri, dan kuku, maka ia adalah suci pada pendapat kami, bertlainan dengan pendapat al-Shāfi'iyy"* (Ibn Nujaym, t.th, 1:113)

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, tanduk haiwan yang dikerat ketika masih hidup adalah suci dan boleh dimanfaatkan. Begitu juga tanduk dari haiwan yang tidak disembelih secara syarak turut dikira suci.

Pendapat kedua:

Menurut pendapat kedua yang terdiri daripada jumbuh ulamak daripada Mazhab Mālikī, Shāfi'iy dan Ḥanbalī, hukumnya adalah najis (Al-Zuḥaylī, 2007, 1:308). Menurut Mazhab Shāfi'iy, sebarang anggota yang tercerai daripada badan haiwan hidup adalah najis berpandukan kepada hadis yang telah dibincangkan sebelum ini, melainkan bulu daripada haiwan yang halal dimakan. Perkara ini dinyatakan oleh al-Nawawī dalam karyanya *al-Minhāj* seperti berikut:

*“Dan bahagian yang bercerai daripada haiwan yang hidup adalah sama seperti hukum bangkai, melainkan bulu haiwan yang halal dimakan, maka hukumnya suci” (Al-Nawawī, 2005, 1:15)*

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengecualian bagi anggota yang tercerai dari badan haiwan yang bangkainya dianggap suci oleh syarak seperti ikan dan belalang. Al-Khaṭīb Al-Sharbīnī di dalam karyanya *al-Iqnā'* menjelaskan dengan lebih lanjut seperti berikut:

*“Dan bahagian yang bercerai daripada haiwan yang hidup adalah sama seperti hukum bangkainya. Jika (bangkainya) suci, maka ia (bahagian yang tercerai) itu suci, dan jika ianya (bangkai) najis maka bahagian tersebut adalah najis, kerana hadis apa-apa yang dipotong dari benda hidup sama seperti bangkainya. Maka bahagian yang tercerai dari tubuh manusia, atau ikan, atau belalang adalah suci dan yang selainnya adalah najis” (Al-Sharbīnī, t.th, 1:29)*

Menurut Ibn Qudāmah, sebab (*'illah*) kepada kenajisan adalah kerana anggota yang bersifat keras tersebut memiliki deria rasa dan dapat merasai kesakitan, cuaca sejuk dan panas. Kewujudan deria-deria ini menunjukkan bahawa ia juga termasuk dalam kategori anggota yang hidup. Perkara ini dinyatakan oleh beliau ketika menghuraikan hukum tulang haiwan seperti berikut:

*“Dan kerana bukti kepada kehidupan ialah memiliki deria rasa dan merasai kesakitan. Kesakitan pada tulang lebih kuat dirasai berbanding kesakitan pada daging dan kulit. Al-ḍhirs (istilah rasa sakit pada gigi geraham) menyakitkan dan tulang juga merasai al-ḍhirs ini. Ia juga dapat merasai kesejukan dan kepanasan air. Setiap yang hidup akan dilanda kematian kerana mati adalah pemisah bagi kehidupan. Dan setiap yang boleh dilanda kematian akan menjadi najis seperti daging” (Ibn Qudāmah, 1968, 1:54)*

Meskipun hukum yang dinyatakan di atas adalah dalam konteks tulang, namun tanduk juga boleh disamakan dengan hukum tulang kerana kedua-duanya adalah anggota yang bersifat keras. Walau bagaimanapun, jika haiwan tersebut disembelih secara syarak, maka hukum tanduk adalah halal untuk digunakan. Ini turut dinyatakan oleh Ibn Qudāmah seperti berikut:

*“Tanduk, kuku, tapak kaki kuda hukumnya sama seperti tulang. Sekiranya diambil daripada haiwan yang disembelih secara syarak maka ia adalah suci; adapun jika diambil daripada haiwan hidup makan ia adalah najis” (Ibn Qudāmah, 1968, 1:54)*

Berdasarkan kepada pandangan para fuqaha' di atas, pengkaji membuat kesimpulan bahawa perbezaan hukum yang berlaku adalah berpunca daripada pentafsiran yang berbeza terhadap konsep bangkai itu sendiri iaitu sama ada ia merangkumi semua jenis anggota haiwan ataupun anggota tertentu sahaja yang memiliki deria rasa. Selain itu, para fuqaha' juga membezakan di antara anggota yang memberikan kesan atau tidak kepada kehidupan haiwan jika dipotong ketika hidup seperti mengancam nyawanya atau menyebabkan kecacatan.

### **Pandangan Sarjana Islam Kontemporari**

Kebanyakan sarjana Islam kontemporari tidak membincangkan isu tanduk rusa untuk tujuan perubatan secara khusus. Namun demikian, isu ini dibincangkan secara tidak langsung di bawah hukum berkaitan memanfaatkan anggota-anggota haiwan yang bersifat keras.

Di antara mereka yang berpandangan bahawa hukum anggota-anggota tersebut sebagai bukan najis adalah seperti Sheikh Yūsuf al-Qaraḍāwī (2011), 'Aṭīyyah Saqar (t.t), Sayyid Sābiq (2009) dan Sheikh Ahmad al-Hāji al-Kurdī (2006). Walaubagaimanapun, bahagian yang berasal daripada khinzir adalah tetap najis kerana ia termasuk dalam kategori *najis 'aini*. Selain itu, terdapat beberapa sarjana hukum di Malaysia yang turut mengharuskan penggunaan tanduk rusa yang dipotong semasa hidup antaranya seperti Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri yang merupakan Mufti Wilayah Persekutuan, dan Dr. Zulkifli Muda yang merupakan Mufti Terengganu.

Sheikh Yūsuf al-Qaraḍāwī, ketika mengulas mengenai hukum pemindahan anggota haiwan yang bersifat keras untuk digunakan oleh manusia, membawa hujah yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyyah yang menyatakan bahawa hukum asal bagi anggota seperti tulang, tanduk dan kuku adalah bersih dan bukan najis kerana ia disamakan seperti kehidupan tumbuhan dan bukannya kehidupan haiwan. Menurut Ibn Taimiyyah, ciri-ciri yang menunjukkan hidupnya haiwan ialah apabila ia dapat merasai deria dan mempunyai pergerakan sendiri. Manakala ciri-ciri kehidupan tumbuhan pula ialah membesar dan mendapatkan makanan



(*al-numuww wa al- 'ightizā'*). Apabila tumbuh-tumbuhan kering, ia tidak menjadi najis secara persepakatan (*ittifāq*) ulamak. Maka hal ini adalah sama seperti bulu dan tanduk haiwan di mana ia akan membesar dan memanjang, tetapi tidak mempunyai deria rasa dan tidak bergerak dengan sendiri. Oleh itu, ia tidak tertakluk kepada kategori kehidupan haiwan dan tidak menjadi bangkai.

Selain itu, sebab (*'illah*) kepada kenajisan bangkai ialah terkumpulnya darah dalam tubuh haiwan. Menurut pendapat jumhur ulama, setiap haiwan yang tidak memiliki darah yang mengalir (seperti lalat, nyamuk, kumbang) apabila mati tidak menjadi najis kerana tiada darah yang terkumpul padanya. Tulang dan tanduk tidak mempunyai darah mengalir serta tidak bergerak sendiri, melainkan mengikut gerakan haiwan. Oleh itu, hukumnya adalah suci seperti bangkai lalat, nyamuk dan kumbang yang disepakati oleh fuqaha akan kesuciannya (Al-Qaraḍāwī, 2011, 30).

Dalil lain yang turut digunakan oleh Ibn Taimiyyah ialah firman Allah S.W.T iaitu:

*"Katakanlah: Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging khinzir. Maka sesungguhnya ia adalah keji" (Sūrah al- 'An'ām 6:145)*

Dalam ayat ini, salah satu perkara yang diharamkan makan ialah darah yang mengalir. Organ haiwan seperti hati dan limpa dihalalkan oleh syarak walaupun ia merupakan organ daripada jenis darah. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan hukum antara darah yang mengalir dan darah yang tidak mengalir.

Kesimpulan daripada dalil-dalil yang dikemukakan ini, menunjukkan bahawa sebab kenajisan ialah terkumpulnya darah dalam badan haiwan tersebut, maka ia haram. Dalam konteks ini, tulang, tanduk, kuku dan gigi tidak mempunyai darah yang mengalir di dalamnya, maka ia tidak termasuk dalam kategori najis, bahkan hukumnya ialah suci dan ini adalah merupakan pendapat jumhur ulama salaf (Al-Qaraḍāwī, 2011).

## **Fatwa Penggunaan Tanduk Rusa dalam Ubatan**

Di Malaysia, terdapat dua buah negeri yang telah mengeluarkan fatwa mengenai hukum penggunaan tanduk rusa dalam ubatan iaitu negeri Kedah dan Terengganu. Namun demikian, fatwa-fatwa ini dilihat tidak seragam di antara satu sama lain apabila terdapat fatwa yang menghalalkan dan ada yang mengharamkan.

Sebagai contoh, dalam satu fatwa tanpa tarikh mengenai hukum memakan ubat yang diproses dari tanduk rusa, Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman menyatakannya sebagai najis iaitu jika tanduk tersebut diambil dari rusa hidup

atau mati tanpa disembelih secara sah mengikut syarak. Nas fatwa adalah seperti berikut:

*“Juzuk-juzuk binatang kecuali ikan dan belalang yang bercerai padanya sama ada binatang-binatang itu halal dimakan ataupun haram sama ada hidup ataupun mati tanpa sembelihan yang sah adalah najis, kecuali rambut (al-sya’ru) dan bulu (al-suf) yang bercerai dari binatang yang halal yang hidup atau yang mati dengan sembelihan yang sah, maka ia adalah bersih.*

*Tanduk rusa yang diceraikan dari rusa yang hidup atau yang mati adalah najis kecuali mati dengan kerana sembelihan yang sah pada syarak, maka ia adalah bersih yang bersih harus dimasukkan ke dalam ramuan ubat-ubatan dan yang najis haram dimasukkan ke dalam ramuan ubat-ubatan.*

*Para fuqaha’ di dalam semua mazhab bersepakat tentang najis juzuk-juzuk binatang yang bercerai atau yang terpotong daripada binatang yang hidup sekalipun ia binatang yang halal kecuali rambut dan bulu kerana sabda Rasulullah S.A.W: Maksud: “Barang yang dipotong daripada binatang yang hidup adalah najis” (Riwayat al-Hakim)*

*Islam melarang (mengharamkan) berubat dengan benda-benda najis kecuali di dalam keadaan dharurat” (Himpunan Fatwa 3 Negeri Kedah Darul Aman, t.th: 60-61).*

Walau bagaimanapun, fatwa di atas dilihat bertentangan dengan keputusan fatwa (tidak diwartakan) yang dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu bertarikh pada 1 Zulhijjah bersamaan 25 Februari 2001, ketika membincangkan mengenai tanduk rusa yang dikerat ketika masih hidup. Keputusannya ialah:

*“Mesyuarat bersetuju bahawa tanduk rusa yang dikerat ketika rusa masih hidup adalah suci (tidak najis), oleh itu ia harus dimanfaatkan” (Keputusan Fatwa Mufti Terengganu, 2001)*

Nas fatwa asal oleh Jabatan Mufti Terengganu adalah ringkas dan tidak disertakan dengan hujah dan dalil. Namun, menurut Sahibus Samahah Dr Hj Zulkifly bin Muda yang menjawat jawatan Mufti Terengganu ketika ini, keputusan yang dikeluarkan tersebut adalah ringkas kerana ia diputuskan di dalam mesyuarat berdasarkan pandangan ahli jawatankuasa Mufti Terengganu ketika itu. Meskipun demikian, menurut beliau fatwa tersebut tidak akan diubah di atas hujah bahawa tanduk rusa adalah bersifat keras, tidak menyakitkan apabila dipotong dan ia adalah sama seperti bulu haiwan dan kuku (Zulkifli Muda, 2014).

Hujah yang dikemukakan oleh Mufti Terengganu juga dilihat selari dengan pandangan yang diberikan oleh Sahibus Samahah Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri iaitu Mufti Wilayah Persekutuan. Menurut beliau, tanduk rusa adalah dikira anggota yang bersih dan halal dimanfaatkan kerana pemotongan ketika hidup hanya menyebabkan kesakitan yang sedikit kepada rusa. Dalam konteks ini, hukum tanduk adalah tidak tepat jika diqiyaskan dengan daging haiwan. Beliau menjelaskannya seperti berikut:

*"Tanduk rusa ni, apa yang saya ketahui, sebab dia bersifat tumbuh. Bila kita ambil, kemudian kita potong, dan dia akan tumbuh. Maka bila dia tumbuh maka maknanya boleh digunakan lagi lah. Dan rusa tersebut memang nampak sedikit ada pendarahan, tapi dalam jumlah minima dan tak sakit sangat. Saya cenderung kepada kebolehan. Wallahua'lam. Sebab dia ni bukan nak qiyas kepada daging ni tak kena sangat. Jadi manfaat tu berlaku, boleh kita ambik" (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014)*

Di Indonesia, terdapat satu ulasan mengenai hukum larutan penyegar dari ekstrak batu tahu dan tanduk dari sejenis kambing gunung, oleh 'kumpulan tanya jawab produk halal' di bawah kelolaan Lembaga Pengawasan Pangan Obat dan Makanan Majelis Ulama Indonesia (MUI). Ketika menjawab pertanyaan dari salah seorang yang bertanya, jawapan yang diberikan ialah menghalalkan penggunaannya, sepertimana berikut:

*"Dari segi khasiat memang masih menjadi perdebatan di antara ahli farmasi dan obat-obatan tradisional. Kami tidak akan membahasnya lebih detail lagi. Sedangkan dari segi kehalalan, ada salah satu bahan, yaitu tanduk kambing gunung yang sempat menjadi perdebatan di kalangan komisi fatwa. Tanduk tersebut ternyata berbeda dengan tanduk kerbau yang jika dipotong tidak akan tumbuh lagi. Tanduk ini lebih mirip dengan tanduk rusa, yang apabila dipotong maka ia akan tumbuh lagi seperti kuku. Ternyata oleh komisi Fatwa diputuskan bahwa bahan tersebut halal" (Kumpulan Tanya Jawab Produk Halal, LPOM MUI)*

Manakala di Singapura, meskipun tiada fatwa rasmi yang dikeluarkan terhadap isu ini, namun menurut pendapat peribadi Mufti Singapura iaitu Sahibus Samahah Dr Mohammad Hafiz Bakaram, penggunaannya adalah diharuskan kerana ia diambil dari haiwan yang halal dimakan. Beliau menyatakan seperti berikut

*"Tapi saya boleh dengan semangat yang saya dapat rumuskan daripada beberapa keputusan fatwa dalam isu yang lain, saya punya pendapat peribadi bahawa binatang itu kalau binatang yang boleh dimakan dagingnya, kemudian diambil sesuatu*

*yang diambil bukan dagingnya. Kalau dia ambil daging untuk pemakanan mestilah wajib disembelih. Tetapi kalau benda-benda lain, tanduk, kulit, kuku, kalau boleh dimanfaatkan, pada saya boleh. Ini pendapat peribadi. Walaupun untuk apa pun keperluan, walaupun untuk konsumsi walaupun setakat untuk pakaian luaran sahaja" (Mohammad Hafiz Bakaram, 2015)*

Pendapat Mufti Singapura ini turut didasarkan kepada beberapa keputusan fatwa yang lain seperti dalam isu gelatin yang dihasilkan daripada tulang dan kulit binatang halal yang tidak disembelih di mana dalam isu tersebut, jawatankuasa fatwa Singapura cenderung kepada ianya adalah berdasarkan proses istilah yang berlaku (Majlis Ugama Islam Singapura, 2007).

Pada pandangan penyelidik, hukum kenajisan tanduk rusa seperti dinyatakan oleh fatwa negeri Kedah adalah didasarkan kepada pandangan Mazhab Syafi'e yang berpegang kepada zahir nas hadis iaitu merangkumi kesemua jenis anggota haiwan yang dipotong ketika hidup. Manakala fatwa di Terengganu, pandangan Mufti Wilayah Persekutuan dan Singapura dan ulasan oleh Kumpulan Soal jawab Halal Lembaga Pengawasan Pangan Obat dan Makanan Majelis Ulama Indonesia adalah didasarkan kepada pandangan mazhab Hanafi yang membezakan hukum di antara anggota yang menyakitkan dan tidak menyakitkan jika dipotong ketika hidup.

### **Implikasi Perbezaan Fatwa Tanduk Rusa dan Cadangan Penyelesaian**

Meskipun sudah terdapat fatwa yang dikemukakan oleh pihak berwajib mengenai tanduk rusa, namun isu yang timbul ialah mengenai ketidakseragaman fatwa dalam perkara tersebut. Penyeragaman fatwa dalam isu tanduk rusa adalah amat penting bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan di kalangan masyarakat Islam mengenai status halal dan haramnya. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengelakkan berlakunya keadaan di mana produk yang diberikan logo halal di sesebuah negeri dihalang daripada dijual kepada penduduk Islam di negeri yang lain.

Tambahan pula pada tahun 2011, persoalan mengenainya kembali diajukan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan sehingga kini belum dijawab. Secara tidak langsung isu ini telah bertukar menjadi satu isu penting di peringkat nasional yang mesti diselesaikan segera.

Justeru, bagi menyelesaikan konflik fatwa ini, satu kajian perlu dijalankan menggunakan kaedah-kaedah saintifik yang tertentu bagi menentukan sama ada proses pemotongan tanduk rusa velvet mendatangkan rasa sakit ataupun tidak kepada rusa. Selain itu, struktur anatomi tanduk rusa juga perlu dikaji untuk menentukan sama ada pandangan sesetengah fuqaha yang menyamakannya

dengan anggota yang tidak mengalir darah lain seperti bulu, boleh diterima ataupun sebaliknya. Persoalan ini juga perlu dilihat dari aspek kebajikan haiwan, bagi memastikan penetapan hukum tanduk rusa bukan sahaja bertepatan dengan maqasid syariah bahkan mampu menonjolkan Islam sebagai agama yang menjaga kebajikan haiwan itu sendiri.

## **Kesimpulan**

Islam adalah agama yang mementingkan aspek kesihatan. Pada masa yang sama, persoalan halal dan haram adalah perkara utama yang perlu difahami oleh seorang Muslim sebelum menggunakan sesuatu ubat. Dalam isu tanduk rusa, kebanyakan para sarjana Islam kontemporari lebih cenderung kepada pandangan yang mengharuskan penggunaannya. Namun begitu, kajian semula ke atas fatwa tanduk rusa dengan disokong fakta saintifik mampu memberi kesan yang besar kepada kesihatan dan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

## Rujukan

- 'Aṭīyyah Saqar (t.th). *Al-Mishṭ min al-'āj* (*Sikat Gading Gajah*). Fatawa Dārul al-Iftā' al-Misriyyah. <http://www.dar-alifta.org>. Diakses pada 19 Julai 2013.
- Akbar Chiraghdin. (2014). Temuramah Isu Tanduk Rusa. 03 September 2014 di Ladang Rusa Sungai Jin Pahang.
- Al-'Arna'ūt, Shu'ayb. (2009) di dalam: Abu Dāud, Sulaimān bin al-Asy'ath. Sunan Abī Dāud. Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- al-Khaṭṭābī, Abū Sulaimān Hamd bin Muhammad (1932). Ma'ālim al-Sunan Syarḥ Sunan Abī Dāud. 4 vols. Halab-al-Matba'ah al-Ilmiyyah.
- Al-Kurdī, Ahmad al-Hāji (2006). *Hukm al-Qarn wa al-l'zhām*. <http://www.islamic-fatwa.com/fatawa/index.php?module=fatwa&id=5829>. Diakses pada 20 Julai 2013.
- Al-Mubārakfūrī, Muhammad bin Abd al-Rahmān (n.d.). *Tuḥfat al-Aḥwāzī bi Syarḥ Jāmi' al-Tirmizī*. 10 vols. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Munāwī, Zain al-Dīn Muhammad Abd al-Ra'ūf (1935). *Faiḍ al-Qadir Syarḥ al-Jāmi' al-Saghīr*. 6 vols. 1<sup>st</sup> Edition. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriah al-Kubra.
- Al-Hākim Al-Naisabūrī, Abū 'Abdallah Muhammad bin Abdullah. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahīḥain*. Tahqiq: Muṣṭafa Abd al-Qadir 'Aṭa. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyya Muḥyi el-dīn Yaḥya bin Syaraf (2005). *Minḥāj al-Ṭolibin wa 'Umdat al-Muffin*. Tahqiq: 'Iwadh Qasim. Dār al-Fikr. 1<sup>st</sup> Edition.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2011). *Zirā'at al-A'ḍā' fi Ḍaw' al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Syurūq.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad Abī Sahl (1993). *Al-Mabsūṭ*. 30 vols. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ṣon'ānī, Muḥammad bin Ismā'īl bin Solāḥ (n.d.). *Subul al-Salām*. 2 vols. Dār al-Hadīth.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (1996). *Al-Luma' fi Asbāb Wurūd al-Ḥadīth*. Dar al-Fikr. 1<sup>st</sup> Edition.
- Al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb (n.d.). *Al-Iqnā' fi Ḥilli Alf āz Abī Syujā'*. 2 vols. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Shaukānī, Muḥammad bin Alī bin Muḥammad (1993). *Nail al-Auṭār*. Tahqiq: Isom al-Dīn al-Sobābatī. Mesir: Dār al-Hadīth. 1<sup>st</sup> Edition.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah (2007). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār-al-Fikr

- Chen, P. Y., Stokes, A. G., & McKittrick, J. (2009). Comparison of the Structure and Mechanical Properties of Bovine Femur Bone and Antler of the North American Elk (*Cervus elaphus canadensis*). *Acta Biomaterialia*, 5(2), 693-706.
- Haliza Mohd. Riji. 2000. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Himpunan Fatwa 3 Negeri Kedah Darul Aman (t.th). Hukum Ubat yang Diproses dari Tanduk Rusa. Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah.
- Ibn Mājah, Abū Abdallah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwayni (2009). Sunan Ibn Majah. 5vol. Ed. Shu'ayb al-Arna'ūt. Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah. 1<sup>st</sup> Edition.
- Ibn Nujaym, Zain al-dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad (t.th). al-Baḥr al-Rā'iq Syarḥ Kanz al-Daqā'iq. Dar al-Kitab al-Islamī.
- Ibn Qudāmah, 'Abdullah bin Aḥmad. (1968). Al-Mughnī. Maktabah al-Qāherah.
- Keputusan Fatwa Mufti Terengganu, (2001). Hukum Tanduk Rusa. Terbitan Jabatan Mufti Negeri Terengganu Darul Iman.
- Kumpulan Soal Jawab Halal Lembaga Pengawasan Pangan Obat dan Makanan Majelis Ulama Indonesia. Retrived from: <https://groups.google.com/forum/#!msg/myquran/DA8MG7TypAA/DcUnFFwPzrgJ>
- Majlis Ugama Islam Singapura (2007). Fatwa Berkenaan Gelatin. Fatwa-fatwa berkaitan Halal MUIS.
- Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah (n.d.). Al-Mu'jam al-Wasīṭ. Kaherah: Dār al-Da'wah.
- Mohammad Hafiz Bakaram (2015). Temuramah Fatwa Halal di Singapura. 16 Februari 2015. Jabatan Mufti, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- Muir, P. D., Sykes, A. R., & Barrell, G. K. (1987). *Growth and Mineralisation of Antlers in Red Deer (Cervus elaphus)*. *New Zealand Journal of Agricultural Research*, 30(3), 305-315.
- Prudden, J. F., Nishihara, G., & Baker, L. (1957). *The Acceleration of Wound Healing with Cartilage*. I. *Surgery, gynecology & obstetrics*, 105(3), 283-286.
- Sayyid Sābiq (2009). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Sunwoo, H. H., & Sim, J. S. (2000). *Potential Uses of Velvet Antler as Nutraceuticals, Functional and Medical Foods in the West*. *Journal of Nutraceuticals, Functional and Medical Foods*, 2(3), 5-23.
- Yang, H. O., Kim, S. H., Cho, S. H., Kim, M. G., Seo, J. Y., Park, J. S., & Han, S. Y. (2004). *Purification and Structural Determination of Hematopoietic Stem Cell-Stimulating Monoacetyldiglycerides from Cervus Nippon (Deer Antler)*. *Chemical and Pharmaceutical Bulletin*, 52(7), 874-878.

- Zhang, X., Cai, Q., Liu, H., Heng, B. C., Peng, H., Song, Y., & Deng, X. (2012). *Osteoconductive Effectiveness of Bone Graft Derived from Antler Cancellous Bone: An Experimental Study in the Rabbit Mandible Defect Model*. *International Journal of Oral and Maxillofacial Surgery*, 41(11), 1330-1337.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014). Temuramah Berhubung Fatwa Halal di Wilayah Persekutuan. 7 Ogos 2014. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Zulkifly bin Muda (2014). Temuramah Berhubung Fatwa Halal di Terengganu. 13 Ogos 2014 di Jabatan Mufti Negeri Terengganu.